

## **PERLANGGARAN ETIKA DIPLOMATIK CETUS KETIDAKSTABILAN DALAM PEMERINTAHAN KERAJAAN MELAYU**

*Salmah Jan Noor Muhammad*

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra, Malaysia.

[salmahjan@upm.edu.my](mailto:salmahjan@upm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Etika diplomatik dibentuk adalah untuk membawa kepada permuaafakan antara dua atau lebih kerajaan. Apabila etika ini diaplikasikan maka kerajaan yang terlibat akan mencapai kestabilan dalam pemerintahan. Namun, sekiranya etika ini dilanggar, akan menyebabkan berlakunya malapetaka terutamanya kekacauan dalam pentadbiran. Justeru, objektif kajian ini ialahuntuk mengenal pasti dan menghuraikan punca berlakunya perlanggaran etika yang menyebabkan ketidakstabilan pemerintahan sesebuah kerajaan berdasarkan karya agung Melayu *Sulalat al-Salatin*, *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Aceh*. Kaedah yang akan digunakan adalah kaedah kepustakaan bagi mendapatkan data kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penyebaran fitnah, pengkhianatan, dan memungkiri janji merupakan punca penyebab kepada berlakunya perlanggaran etika diplomatik ini.

**Kata Kunci:** Perlanggaran, Etika, Diplomatik, Kestabilan, Pemerintah, Melayu

## **ABSTRACT**

*Diplomatic ethics are formed to bring consensus between two or more governments. When these ethics applied the governments involved will achieve stability in the administration. However, if the ethics are violated, it will result in chaos, especially in administration. Thus, the objective of this study is to identify and describe the cause of the breach of ethics that caused instability in the administration of a government based on the Malay masterpiece Sulalat al-Salatin, Tuhfat al-Nafis and Hikayat Aceh. The method used was the library research for obtaining the study results. The findings show that the spread of defamation, betrayal, and the breach of promise are the root causes of the occurrence of a breach of the diplomatic ethics.*

**Keyword:** Breach, Ethics, Diplomatic, Stability, Government, Malay

## **PENGENALAN**

Diplomatik didefinisikan sebagai jalinan hubungan antara dua atau lebih kerajaan dan berfokuskan kepada permuafakatan atau pendamaian. Menurut Bijan Bidabad (2012), diplomatik dapat dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, peraturan atau bimbingan polisi sesebuah negara yang berkaitan dengan isu-isu politik antarabangsa, dan kedua ialah kemahiran atau seni dalam berunding untuk mencapai kesefahaman di peringkat antarabangsa. Selain itu, hubungan diplomatik terjalin dengan tujuan untuk melindungi sesebuah kerajaan daripada ancaman musuh luar bagi memelihara kebijakan dan keselamatan para penduduknya dan adakalanya sesebuah kerajaan menggunakan helah diplomatik untuk meluaskan pengaruhnya atas alasan untuk mengukuhkan, meninggikan imej, dan prestij negara tersebut. Menurut Mohd Jamil Mukmin (2011:71) tujuan utama sesebuah kerajaan menjalankan hubungan diplomatik dengan beberapa kerajaan besar adalah untuk mengelakkan ancaman

musuh yang mengganggu urusan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan berkenaan. Salmah Jan Noor Muhammad (2017:108) mengatakan bahawa situasi ini akan membawa kepada perancangan yang sistematik dan mantap dalam pengendalian hubungan diplomatik. Manakala etika ialah ilmu tentang kesusilaan yang mengatur bagaimana sepatutnya manusia hidup dalam masyarakat yang melibatkan aturan atau prinsip yang menentukan tingkah laku yang benar, iaitu baik atau buruk atau kewajipan dan tanggungjawab Mimin Emi Suhaemi (2003:39). Oleh itu, etika menuntut agar manusia sentiasa berpegang kepada peraturan tingkah laku yang positif dalam setiap keadaan yang berlaku.

Terdapat prinsip atau etika dalam hubungan diplomatik. Prinsip hubungan diplomatik menurut H.A.Fuad Said (2002:409) antaranya menghargai manusia sebagai makhluk yang terbaik, menegakkan keadilan, persamaan, kemerdekaan, menepati janji, toleransi, mencegah kejahatan, dan bukannya mewujudkan perperangan dan permusuhan. ‘Abdul Hamīd A. AbūSulaymān (1987) pula menyatakan bahawa etika mestilah berlandaskan kepada tauhid, berpegang kepada keadilan, keamanan, sokongan, dan kerjasama, jihad dan menghormati dan memenuhi iltizam. Namun sekiranya, etika diplomatik ini tidak diikuti maka akan terjadi kekacauan terutamanya dalam pentadbiran. Misalnya, Sultan Mahmud Syah yang mempercayai fitnah yang disebarluaskan oleh pembesar baginda. Orang yang tidak bersalah dihukum bunuh dan akhirnya telah membawa kepada malapetaka pentadbiran dalam Melaka dan seterusnya membawa kepada kepincangan dalam pentadbiran. Persoalannya, mengapakah hal ini boleh berlaku dalam sesbuah pentadbiran kerajaan? Justeru, objektif kajian artikel ini akan mengenal pasti dan menghuraikan punca berlakunya perlanggaran etika yang menyebabkan ketidakstabilan pemerintahan sesbuah kerajaan dengan bersumberkan karya agung Melayu *Sulalat al-Salatin, Tuhfat al- Nafis* dan *Hikayat Aceh*.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan, di mana terdapat tiga tahap tatacara kajian yang dirancangkan dalam mengemukakan penulisan ini, iaitu pengumpulan data, penganalisisan data, dan rumusan. Pada tahap pengumpulan data, penulis akan melakukan penelitian terhadap naskhah pilihan yang bersesuaian dengan objektif kajian. Setiap pembacaan terhadap kandungan naskhah akan diteliti dan dicatat, terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian.

Sementara itu, pada tahap penganalisisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperoleh daripada tahap pertama dan akan digunakan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis dapatan kajian. Hasil daripada analisis data tersebut, satu rumusan dapatan akan dilakukan. Dalam pada itu, teori hubungan antarabangsa yang diperkenalkan oleh AbdulHamid 'A. AbuSulayman akan digunakan sebagai teori utama dalam penulisan ini.

## **ANALISIS DAN DAPATAN**

Pemimpin dan pembesar yang berpegang kepada etika akan sentiasa menjaga hubungan diplomatik yang dijalankan. Sekiranya kedua-dua golongan ini melakukan perkara yang sebaliknya, maka ia akan menyebabkan perpecahan kepada perpaduan yang dibina dan ketidakboleh percayaan akan wujud untuk meneruskan hubungan tersebut. Menurut Mustafa Daud (1991:20) mengeratkan silaturahim, mempersaudarkan dan perpaduan sesama manusia amat digalakkan dalam Islam. Arba'iyah Mohd Noor (2014) menerusi makalah beliau bertajuk *Menelusuri Nilai Etika dalam Pemerintahan Johor-Riau-Lingga Menerusi Naskhah Tuhfat al-Nafis Versi Terengganu* menyatakan bahawa Raja Ali Haji telah menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahannya dan menggalakkan pembesar dan diraja mendalamai ilmu agama Islam, mencintai ulama dan menjaga adab. Ketakwaan yang ada pada diri Raja Ali Haji itu yang menyebabkan baginda diangkat sebagai

contoh pemimpin terbaik yang mengamalkan etika pemerintahan dalam Islam dan menyatupadukan rakyat. Selain itu, Siti Hajar Che Man (2013) berpendapat bahawa karya seperti *Sulalat al-Salatin* bukan sahaja mengagungkan raja tetapi karya yang bertanggungjawab dalam membawa nilai adab yang tinggi. Kehidupan raja dari aspek positif dan negatif dipaparkan oleh pengarang dengan tujuan pembangunan modal insan. Oleh itu, menerusi *Sulalat al-Salatin, Tuhfat al- Nafis dan Hikayat Aceh* akan diketengahkan satu lagi dapatkan berkenaan perlanggaran etika diplomatik yang menyebabkan berlakunya ketidakstabilan pemerintahan kerajaan Melayu. Hasil penelitian mendapati bahawa penyebaran fitnah, pengkhianatan, dan memungkiri janji merupakan punca utama berlakunya permasalahan ini.

### **Penyebaran Fitnah**

Fitnah merupakan provokasi berunsur perkataan yang menyebabkan tercetusnya perpecahan sebuah perpaduan yang dibina antara kerajaan. Saat Sulaiman (2008:161) menyatakan bahawa fitnah merupakan unsur negatif dalam kehidupan. Ia sangat bahaya dan mampu merosakkan sesebuah hubungan yang sedia terjalin. Ia sengaja dilakukan dengan mengadakan cerita atau memalsukan peristiwa serta menokok tambah keaiban dan kelemahan sesebuah kerajaan. "Fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan" (*al-Baqarah*, ayat 217). Lazimnya, perbuatan ini didorong oleh sikap tamak, iri hati, dan mementingkan diri sendiri. Selain itu, ia juga berlaku kerana keutamaan terhadap kedudukan dan keduniaan (harta benda) melebihi daripada kepentingan agama dan hubungan antara sesama manusia. fitnah ini dikategorikan sebagai perbuatan melampaui batas dalam teori hubungan antarabnagsa. Ini kerana AbdulHamid 'A. AbuSulayman (1987:129) menyifatkannya sebagai punca kepada terputusnya sesebuah hubungan.

Implikasi fitnah ini akan menyebabkan sesebuah hubungan yang terjalin dengan baik dan jayanya sebelum ini akan berubah sekilip mata kepada bentuk permusuhan. Perlanggaran etika ini

telah memaksa kerajaan yang terlibat bertindak untuk memutuskan hubungan tersebut. Naskhah *Tuhfat al-Nafis* menceritakan bahawa hubungan diplomatik antara orang Melayu, Bugis, dan Siak telah mengalami kegeruhan hubungan akibat daripada perbuatan fitnah. Peristiwa ini bermula apabila Raja Kecik (Siak) mengaku bahawa baginda merupakan pewaris takhta sebenar kerajaan Johor. Kenyataan tersebut terpaksa dihadapi oleh Sultan Abd al-Jalil yang pada masa itu merupakan sultan Johor dan terpaksa menerima lantikan sebagai Bendahara Johor selepas kalah dalam peperangan (Virginia Matheson Hooker, 1998: 58). Demi kebaikan bersama dan untuk merapatkan hubungan kedua-dua bangsa tersebut, Sultan Abd al-Jalil bersetuju mengahwinkan anaknya Tengku Kamariah dengan Raja Kecik. Situasi tersebut telah menimbulkan ketidakpuas hatian bagi pihak orang Melayu. Lalu, terdapat sekelompok masyarakat yang cuba menimbulkan onar dengan menyebarkan fitnah mengenai status sebenar Raja Kecik sebagai pemerintah Johor. Buktinya:

..maka banyaklah fitnah/-fitnah/ di dalam Johor kerana seolah-olah/nya/ negeri satu beraja dua/lah. Maka berbelah-belahlah orang di dalam negeri itu. Maka berbelah-belahlah orang di dalam negeri itu. Ada yang kepada (pihak) Raja Kecik ada yang ke (pada) pihak Sultan Abd al-Jalil. Mangkin menyalahlah fitnah daripada sehari kepada sehari, mangkin banyak(lah) fitnah mangkin besar, umpama api mangkin besar(lah) nyalanya, akhir-akhir(nya) tiada dapat dipadamkan lagi. Syahadan melarat (lah) api itu mengatakan Raja Kecik itu tiada tentu amat putera Marhum Mangkat Dijulang, sebab tiga kaul yang telah lalu itu bersalah

(Virginia Matheson Hooker, 1998: 64).

Rentetan daripada peristiwa itu, Tengku Kamariah, isteri kepada Raja Kecik mengambil keputusan untuk mengikuti Tengku Tengah (kekandanya) pulang ke rumah dan membenci Raja Kecik

atas pembohongannya itu. Keadaan tersebut telah menimbulkan kemarahan Raja Kecil kepada keluarga Sultan Abd al-Jalil. Lalu melancarkan perang ke atas Sultan Abd al-Jalil.

Maka Raja Kecik pun marahlah (pula) lalu disuruhnya ambil isterinya itu, maka tiada diberi/nya/ pula oleh Tengku Tengah. Maka jadi perkelahian(lah), maka Raja Kecik pun pergi melanggar Sultan Abd al-Jalil. Maka Sultan Abd al-Jalil /pun/ membuat kubu di Seluyut, maka berperanglah Minangkabau dengan Johor semula //pula//. (Maka) tiada berapa antaranya berperang itu, maka adalah kubu /di/ Seluyut, diamuk oleh Raja Kecik (itu)

(Virginia Matheson Hooker, 1998:64).

Hikmah daripada kejadian tersebut khabar fitnah yang tidak diketahui kebenaran sumbernya telah menyebabkan dua bangsa ini berkelahi dan bermusuhan. Hubungan diplomatik yang sebelum ini kelihatan stabil telah berjaya diahncurkan hanya dengan sebaran fitnah. Fitnah menyebabkan orang yang tidak bersalah dijatuhkan hukuman sepihama Hang Tuah yang menjadi kepercayaan raja, dihukum bunuh kerana fitnah yang dirancang untuk menjatuhkannya.

Selain peristiwa di atas, bangsa Melayu dan Bugis juga telah mengalami kerengangan hubungan akibat fitnah. Orang yang bertanggungjawab menabur fitnah tersebut merupakan orang yang tidak suka melihat hubungan mesra antara Melayu dan Bugis. Penyatuan dua bangsa ini telah menyebabkan Johor dan Riau, serta jajahan takluknya menjadi kuat. Oleh itu, sekiranya dilawan dengan tenaga fizikal, belum tentu kerajaan di luar mampu menakluki kerajaan Johor dan Riau. Maka senjata paling ampuh untuk memisahkan penyatuan tersebut adalah melalui fitnah. Terdapat beberapa perkara yang menyumbang ke arah pembentukan fitnah tersebut. Antaranya:

- a) Sebahagian masyarakat tempatan melihat bahawa hubungan tersebut boleh memberi kesan negatif kepada keturunan Sultan Johor pada masa akan datang.
- b) Wujud perasaan bimbang terhadap pentadbiran dan pemerintahan orang Melayu yang akan dikuasai oleh bangsa Bugis.

Oleh itu, salah satu kaedah untuk memutuskan hubungan tersebut ialah dengan melakukan gangguan dalam hubungan tersebut dengan menabur fitnah. Gangguan terhadap hubungan kedua bangsa ini dapat disimpulkan seperti di bawah ini :

- a) perasaan iri hati

... Demikian lagi (Baginda) Sultan Sulaiman balik dari/pada/ melanggar Siantan itu, sangatlah rapatnya dengan suku-suku pihak Bugis, serta tampak kasih sayangnya tulus ikhlasnya dan mesranya (paduka anakanda baginda) Yang Dipertuan Muda adik-beradik. Syahadan apabila dilihat oleh setengah (suku-suku sebelah) Melayu hal yang demikian itu, maka terbakarlah hatinya fi hasad dan hakid yang tertanam di dalam hatinya memakan/lah/ apinya itu kepada akalnya itu, jadilah mengikut akan hawa nafsunya, yang tiada hiraukan manfaat dan muzarat fi al-dunia wa al-akhirat, intiha)

(Virginia Matheson Hooker, 1998:139).

- b) Ketidakpuas hatian Raja Terengganu (menantu Sultan Sulaiman)

Maka (adalah suku-suku Melayu serta ) Raja Terengganu gaduhlah tiap-tiap malam (berjaga katanya, "Bugis-bugis ini hendak khianat." Maka tiap-tiap malam berbuatlah gaduh mengatakan segala Bugis-Bugis hendak membakar rumah,

dan hendak mengamuk). Maka di dalam sebulan dua tiga kali datang fitnah... Kemudian selang (empat) lima (hari) gaduh pula orang Terengganu, dan suku Melayu itu, mengatakan Bugis hendak membakar kota (sudah) dikejarnya lari...

(Kemudian renggang dua tiga hari datang pula fitnah, mengatakan Bugis-Bugis hendak jahat, memakai baju rantai, berendak Bintan, berkeris bercabut, berjalan di darat kota. Maka berkeliaran pula seorang orang-orang Terengganu dengan lembing beberkas-berkas mengejar ke darat, dan mengepung. /Maka/ riuh rendah berjeritan terlari-lari dengan lembing, beberapa berkeris

(Virginia Matheson Hooker, 1998:139-140).

Sultan Sulaiman mendapat tahu bahawa fitnah tersebut sengaja direka oleh menantunya. Baginda berduka cita dengan tindakan menantunya yang telah membuat honar di negeri tersebut dengan tujuan untuk memutuskan hubungan diplomatik bangsa Melayu dengan Bugis. Hasilnya, baginda telah membiarkan bangsa Bugis menghukum Raja Terengganu demi menjaga hubungan tersebut. Dalam hal ini, walaupun Sultan Sulaiman sanggup mengenepikan ikatan kekeluargaannya demi menstabilkan hubungan kedua bangsa tersebut, namun secara tersiratnya hubungan kedua-dua bangsa ini ibarat ‘telur di hujung tanduk.’ Hal ini kerana selepas peristiwa tersebut, banyak lagi kejadian yang melibatkan fitnah untuk mengeruhkan hubungan kedua-dua pihak ini.

### **Perbuatan Khianat**

Perbuatan khianat ini merupakan perbuatan orang munafik. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w, maksudnya:

Dari Abi Hurairah Radiallahu-Anhu : Dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tanda orang munafik itu ada tiga perkara iaitu jika ia berbicara sentiasa berdusta, dan

apabila berjanji sentiasa mungkir janji, dan apabila diberi kepercayaan ia mengkhianatinya

(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Khianat merupakan perbuatan buruk dan keji serta termasuk dalam golongan dosa besar. Sikap sedemikian bukan sahaja boleh menimbulkan permusuhan, tetapi juga boleh merosakkan agama. Menurut AbdulHamid 'A. AbuSulayman (1987:129) dalam teori hubungan antarabangsa khususnya dalam nilai asas teori ini menyebutkan perbuatan khianat ini adalah perbuatan yang dikategorikan sebagai kezaliman dan perlu dielakkan dalam perhubungan antarabangsa. Perbuatan khianat acapkali diketengahkan oleh pengarang sebagai sebuah nilai negatif dalam sesebuah masyarakat. Tujuannya adalah untuk memberikan pengajaran kepada pembaca tentang kesan di sebalik perbuatan tersebut. Sebagai contoh, dalam naskhah *Sulalat al-Salatin*, diceritakan bahawa setelah Melaka diserang dan ditakluki oleh Portugis, Raja Abdullah, iaitu Raja Kampar dan merupakan saudara kepada Sultan Mahmud Syah bercadang untuk menjalinkan hubungan baik dengan pihak Portugis. Dengan harapan, Portugis dapat menyerahkan semula Melaka dan tanah jajahan Melaka kepada baginda. Hal ini kerana Raja Abdullah tidak ingin melihat Melaka di bawah pengaruh penjajah dan baginda sanggup memikul tanggungjawab mentadbir Melaka dan jajahan Melaka demi mempertahankan kedaulatan dan maruah Melayu. Contohnya:

Maka Raja Abdullah bertitah pada segala pegawai, “Apa bicara Orang Kaya-kaya segala pegawai Kampar, kita hendak mendapatkan jaga-jaga Peringgi yang di Selat Unggaran itu, kita hendak muafakat dengan kapitannya, mudah-mudahan dikembalikannya segala jajahan Melaka kepada kita, kerana yang empunya waris kerajaan Melaka itu kita”

(A.Samad Ahmad, 2010: 275).

Seterusnya, untuk menunjukkan kesungguhan baginda untuk mendapatkan semula Melaka, Raja Abdullah telah berangkat ke Selat Ungaran. Setelah sampai di tempat tersebut, baginda telah menghantar seorang hambanya untuk memaklumkan kedatangan dan hajat baginda untuk berjumpa dengan Kapitan Mor. Sebaik sahaja mengetahui niat Raja Abdullah ingin berbaik-baik dengan pihak Portugis, Kapitan Mor bersetuju untuk berjumpa dengan Raja Abdullah. Namun, perjumpaan tersebut diiringi dengan syarat, iaitu pihak Raja Abdullah hanya dibenarkan menggunakan sebuah sampan sahaja. Sekiranya lebih daripada satu, Portugis akan membedil sampan Raja Abdullah dan berpendapat bahawa Raja Abdullah hanya bermain kata sahaja dan tidak bersungguh menjalankan hubungan tersebut. Raja Abdullah bersetuju dengan syarat tersebut. Bagi baginda peluang untuk mendapatkan semula Melaka kelihatan cerah, memandangkan pihak Portugis memberikan ‘lampau hijau’ untuk berjumpa dengan baginda. Contohnya:

...Maka hamba Raja Kampar itu pun dekatlah, lalu naik ke futsa Peringgi itu. Maka segala kata Raja Abdullah itu semuanya dikatakannya kepada kapitan Peringgi itu. Maka kata kapitan itu, “Jika sungguh Raja Kampar mau bersahabat dengan Kapitan Mor Melaka, banyak boleh untung; kembalilah pakanira bahawa Raja Kampar ke mari berkata-kata dengan kita; jangan banyak datang, satu sampan ini juga; jika banyak kita bedil, tidak sungguh Raja Kampar mau bersahabat dengan Kapitan Mor”

(A.Samad Ahmad, 2010: 276).

Kegembiraan sementara baginda itu menggambarkan bahawa tidak ada sekelumit pun dalam hati baginda rasa benci dan dendam kepada Portugis yang telah menjajah kerajaan saudara baginda malahan Raja Abdullah lebih bersikap terbuka dengan mempercayai kata yang diucapkan oleh Kapitan Mor itu tanpa rasa was-was. Walaupun keberangkatan baginda menuju ke kapal

Peringgi itu ditegah oleh pembesar baginda kerana dibimbangi ada niat yang tersembunyi di sebalik permintaan tersebut, namun Raja Abdullah tetap berkeras untuk pergi. Baginda pun bertolak tanpa pengawal istana dengan menaiki sebuah sampan dan hanya ditemani oleh dua orang hambanya yang membawa sirih untuk hadiah pembuka bicara. Hal ini kerana, Raja Abdullah yakin bahawa niatnya adalah betul, iaitu untuk mempertahankan dan menyelamatkan kedaulatan Melaka serta waris keturunannya.

...maka kata kapitan fusta, “Apa mau raja hendak bertemu dengan kita?” Maka sahut Raja Abdullah, “Kita mau berkasih-kasihan dengan Kapitan Mor; akan segala jajahan Melaka mau kita pinta pada Kapitan Mor.” Maka sahut kapitan fusta itu, “Lebih lagi suka Kapitan Mor mau memberi segala anak negeri Melaka pada raja, akan jadi pengapit pada raja Portugal”

(A.Samad Ahmad, 2010:276-77).

Semasa dalam perbincangan itu, baginda tidak menyedari bahawa baginda telah dikhianati. Pihak Portugis dengan gerakan perlahan-lahan membongkar sauh, menarik layar dan terus belayar. Raja Abdullah ditangkap dan dijadikan tawanan mereka (A.Samad Ahmad, 2010:277). Menurut pengarang *Sulalat al-Salatin*, Raja Abdullah telah dihantar ke Goa dan tidak diketahui nasib baginda selepas itu. Oleh demikian, berakhirlah sudah perbincangan diplomatik yang penuh dengan muslihat dan khianat oleh pihak Portugis terhadap kerajaan Kampar. Bak kata pepatah ‘susudiberi, dibalas dengan tuba.’ Pengajaran dalam peristiwa ini ialah jangan mudah mempercayai kata-kata penjajah yang telah mengkhianat kedaulatan sesebuah negara.

Satu lagi peristiwa tentang perbuatan khianat ini telah dibincangkan oleh pengarang *Hikayat Aceh*. Permusuhan antara kerajaan pimpinan Sultan Muzaffar Syah daripada Aceh dan kerajaan pimpinan Raja ‘Inayat Syah daripada Dar al-Kamal telah berlanjutan selama beberapa tahun dan kedua kerajaan ini pun telah banyak kali terlibat dalam peperangan (Teuku Iskandar,

2001:9-10). Melihat kepada keadaan sedemikian, agak sukar untuk mengatakan bahawa kedua kerajaan ini bersetuju untuk berdamai dan seterusnya menjalinkan hubungan diplomatik.

Dalam setiap perperangan yang berlaku, Sultan Muzaffar Syah (Aceh) tidak pernah berjaya menguasai kerajaan pimpinan Raja 'Inayat Syah, maka baginda mula mencari ikhtiar dengan mengalihkan pendekatan daripada kekerasaan kepada unsur diplomasi. Namun dalam masa yang sama, sebenarnya baginda ingin berbuat khianat terhadap kerajaan Raja 'Inayat Syah. Hal ini sememangnya jelas melanggar etika diplomatik yang menyeru kepada hubungan pendamaian. Kelakuan yang bermoral ialah tingkah laku yang sejajar dengan tatasusila atau peraturan masyarakat yang merangkumi nilai murni seperti benar, belas kasihan, hati suci, cintakan kedamaian, hormat-menghormati, bekerjasama, sederhana, mengenang budi, dan bersemangat kemasyarakatan (Hashim Musa, 2001:57). Di bawah ini merupakan gerak laku menjayakan perbuatan khianat Sultan Muzaffar Syah yang dikenal pasti ialah:

a) Menghantar utusan peminangan

Menghantar utusan merupakan salah satu ciri diplomatik Melayu. Sultan Muzaffar Syah menghantar utusan untuk meminang tuan puteri Raja 'Inayat Syah yang bernama Setia Indera. Hal ini kerana, hanya melalui ikatan perkahwinan akan dapat mengeratkan hubungan antara kerajaan.

...Maka ia menyuruhkan antusannya kepada Raja 'Inayat Syah yang di Dar al-Kamal itu mengatakan dirinya menelangkai anak Raja 'Inayat Syah yang bernama Setia Indera. Maka Raja 'Inayat Syah pun menengarkan kata yang lemah lembut kabul berbesan dengan Raja Muzaffar Syah

(Teuku Iskandar, 2001: 10).

b) Memberi hadiah

Sultan Muzaffar Syah memberikan hadiah untuk menyakinkan Raja I'nayat Syah bahawa niatnya berkahwin dengan Tuan Puteri Setia Indera adalah suci dan ikhlas berbesan dengan Raja 'Inayat Syah. Hal ini telah berjaya mencipta kepercayaan di pihak Raja I'nayat Syah.

Setelah berapa kali datang antusan Raja Muzaffar Syah memba(wa) hadiah daripada mata benda yang mulia-mulia akan Raja 'Inayat Syah | menerima hadiah daripadanya itu, maka ia pun terlalu sukacita kerana pada sangkanya tadapat tiadalah sampai seperti yang dikehendakinya itu.

(Teuku Iskandar, 2001:10).

c) Memohon melakukan perarakan majlis

Apabila melihat kesungguhan Raja Muzaffar Syah berbesan dengan baginda, maka Sultan 'Inayat Syah mengabulkan permintaan Raja Muzaffar Syah. Perarakan dilakukan bertujuan untuk menyatakan kegembiraan kepada masyarakat sekitar kerana kedua buah kerajaan yang bermusuhan selama ini akan hidup berdamai.

Maka pada suatu ketika disuruhkan Raja Muzaffar Syah antusan kepada Raja 'Inayat Syah mengatakan bahawa ia hendak mengarak daf'a dan segala hadi(ah) yang indah-indah seperti 'adat raja-raja berbesan samanya raja-raja

(Teuku Iskandar, 2001:10).

Kesannya, Raja Muzaffar Syah, baginda telah berjaya menarik perhatian Raja 'Inayat Syah. Dengan berorientasikan kepada perancangan idea untuk mengurus dan mampu melahirkan kepercayaan melalui manipulasi secara terancang dan kreatif telah dapat mempengaruhi persepsi Sultan 'Inayat Syah terhadap

kerajaan pimpinan Raja Muzaffar Syah. Lihat contoh petikan di bawah:

Maka Raja 'Inayat Syah pun tiadalah behena belenggara akan isti'adat peperangan seperti 'adat yang dahulu kala. Pada sangkanya [sangkanya]: 'Bahawa yang seteru kita jadilah saudara pada kita.' Tiada ia akan tahu akan tipu Raja Muzaffar Syah akan dia itu

(Teuku Iskandar, 2001:10).

Setelah itu, Raja Muzaffar Syah pun membuat persediaan dengan memasukan semua peralatan senjata ke dalam geta keemasan untuk dibawa bersama semasa perarakan baginda menuju ke istana Raja 'Inayat Syah. Perarakan diraja itu disambut mesra oleh hulubalang dan pembesar kerajaan pimpinan Raja 'Inayat Syah serta mengiringi dan mengarak bersama-sama dengan rakyat Raja Muzaffar Syah tanpa rasa curiga. Sebaik sahaja sampai di perkaranan istana Raja 'Inayat Syah, Raja Muzaffar Syah dan hulubalangnya mengeluarkan senjata dalam simpanan baginda, lalu membunuh hulubalang tersebut.

...Raja Muzaffar Syah pun berlengkaplah dan diperbuatnya beberapa daripada perarakan | keemasan dan daripada geta keemasan. Maka dalam segala perarakan dan dalam segala geta keemasan itu diisinya daripada segala senjata, daripada tombak dan lembing dan perisai dan utar-utar dan pedang dan syamsir dan beberapa (dari)pada senjata yang lain. Maka ditutupnya dengan [dengan] kain kekuningan yang betelepuk mas seperti kelengkapan raja mengarak daf'a. Maka disuruh raja segala perarakan dan segala geta itu ke Dar al-Kamal itu.

Setelah sampailah ke Dar al-Kamal maka disuruh Raja 'Inayat Syah keluar segala hulubalangnya dan segala orang besar-besaran mengalu-ngalu segala hulubalang yang

datang dari Makota Alam yang mengiringkan daf'a diarak dari mahkota 'Alam itu. ...maka syegera segala (hulubalang) Raja Muzaffar Syah mengambil segala senjata dalam segala perarakan dan dalam segala geta itu. Maka dengan segala senjata itulah hulubalang Mahkota 'Alam itu memunuh dan menetak dan menikam segala hulubalang Dar al-Kamal

(Teuku Iskandar, 2001:11).

Raja 'Inayat Syah sangat terkejut dengan tindakan Raja Muzaffar Syah yang sanggup mengkhianati baginda dengan berpura-pura menjalinkan hubungan diplomatik Akhirnya, tanpa persiapan rapi, Raja 'Inayat Syah dan kerajaan baginda berjaya ditakluki oleh Raja Muzaffar Syah dan hal ini telah merencangkan hubungan diplomatik antara dua buah negara.

Kata yang berceritera: Maka demikian segala hulubalang dan segala ra'yat Dar al-Kamal bertimbun umpama suatu bukit dan darah mereka itu mengalir seperti anak sungai. Maka negeri Dar al-Kamal pun alah pada ketika itu dan Raja 'Inayat Syah pun ta'luklah pada Raja Muzaffar Syah. Maka segala arta segala kelengkapan Raja 'Inayat Syah ...

(Teuku Iskandar, 2001:11).

### **Memungkiri Janji**

Perjanjian ialah komitmen manusia untuk terus berhubungan dan dapat mengawal sesebuah kerajaan daripada berbuat sesuka hati. Melalui dapatan yang diperoleh, perjanjian digunakan untuk mengelakkan sesebuah negara daripada ditakluki dan membuat keputusan bersama untuk menjalinkan hubungan diplomatik. Sekiranya, sesebuah kerajaan memungkiri perjanjian yang telah dipersetujui, ia bukan sahaja melanggar etika moral malahan

mencerminkan keperibadian masyarakat dalam kerajaan berkenaan.

Apabila membaca naskhah *Tuhfat al-Nafis*, acapkali ditemui perperangan dan pertelingkahan antara Raja Kecik dari Siak, Sultan Sulaiman, opu-opu Raja Bugis, dan raja lain. Menurut Raja Ali Haji, hampir 10 kali perperangan yang melibatkan pihak ini berlaku (Virginia Matheson Hooker, 1998:193-196). Namun, terdapat juga pihak yang ingin menyelesaikan permusuhan ini, antaranya ialah Sultan Khalifatullah Muhammad Syah. Baginda telah membuat surat perjanjian persetiaan antara raja Pagar Ruyung, Johor, dan Minangkabau. Antara isi perjanjian persetiaan tersebut ialah:

... “Barang siapa anak Minangkabau yang di dalam perintahan Johor hendaklah mengikut perintahan Johor. Barang siapa tiada mengikut, dimakan (sumpah) besi kawi tiada selamat kepada anak cucu (cicitnya), (tiap-tiap suatu pekerjaannya yang dicitanya dikutuki Allah Ta’ala.”  
Demikianlah bunyinya sumpah setianya itu

(Virginia Matheson Hooker, 1998:88-89).

Perjanjian tersebut telah diakui oleh ketiga-tiga pihak dan bersetuju untuk menjalinkan hubungan diplomatik dan hidup berdamai tanpa perang. Tiga kelompok bangsa ini telah bersumpah setia di dalam masjid untuk mengesahkan bahawa tiada pihak yang akan memungkiri perjanjian yang telah dibuat. Kesan daripada perjanjian tersebut, Raja Kecik telah bersetuju memulangkan rakyat Johor yang dijadikan tawanan baginda dan juga mengembalikan teluk rantau Johor kepada Sultan Sulaiman dan Yang Dipertua Muda Riau. Sebagai balasan, Sultan Sulaiman bersetuju untuk mengabulkan hajat Raja Kecik untuk membawa isterinya, iaitu Tengku Kamariah yang berada di Johor pada masa itu untuk kembali bersamanya pulang ke Siak.

Dalam hal ini, pengarang menggambarkan bahawa Raja Kecik seakan berpura-pura bersetuju dengan perjanjian tersebut. Setelah maksudnya tercapai dengan membawa pulang semula

isterinya, Raja Kecik telah mempersiapkan angkatan tentera untuk melanggar Riau semula. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Raja Kecik telah melanggar etika diplomatik. Raja Kecik tanpa sedikit rasa penyesalan telah berkubu di Pulau Bayan dan menyerang Riau. Akhirnya, kerana memungkiri janji tersebut, ramai angkatan Raja Kecik yang terbunuh oleh angkatan tentera opu-opu Raja Bugis dan memaksa Raja Kecik berundur daripada Riau dan kembali ke Siak.

Selain peristiwa di atas, Raja Kedah telah berjanji kepada opu-opu Raja Bugis untuk memberikan hadiah sebanyak lima belas bahara wang emas sekiranya berjaya mengalahkan adinda baginda yang telah merampas takhta baginda (Virginia Matheson Hooker, 1998:83). Setelah baginda mendapat semula takhtanya, baginda hanya membayar tiga bahara wang emas dan berjanji akan membayar selebihnya pada masa akan datang dan opu-opu Raja Bugis pun bersetuju dengan perjanjian tersebut. Namun sehingga baginda mangkat dan opu-opu Raja Bugis meninggal dunia, baki wang emas tersebut masih belum dilaksanakan.

Oleh itu, Raja Haji Engku Kelana Pangeran Suta Wijaya dari negeri Inderagiri telah berjumpa dengan Sultan Salihuddin, iaitu Yang Dipertuan Selangor untuk menceritakan peristiwa tersebut. Raja Haji dengan rela hati dan bersedia memikul tanggungjawab untuk menjadi wakil bagi bangsa Bugis bagi mendapatkan semula baki wang emas itu. Lalu, keduanya muafakat untuk berjumpa dengan anakanda Sultan Kedah yang telah menaiki takhta pada ketika itu untuk menyampaikan hajat mereka. Buktinya seperti petikan ini:

“Patik waki’nya menuntut perjanjian itu menjadi perang sebab (kerana janjinya, kerana) Kedah sudah makmur kerana perjanjian opu-opu dahulu. Apabila makmur negeri Kedah adalah belanja-belanja opu-opu melanggar Kedah dahulu itu patutlah hendak diganti. Serta ada pula perjanjian lain daripada itu iaitu (lima) belas bahara wang. Maka sudah dibayar tiga bahara tinggal lagi dua belas bahara, sudah berpuluh tahun belum juga raja

Kedah menyempurnakan perjanjiannya itu, dan surat-suratnya pun ada baik(lah) kita tunjukkan kepada raja Kedah itu.” Maka jawab Yang Dipertuan Selangor, “Jikalau begitu, baik(lah) kita pergi sendiri.” Maka jawab Kelana (Pangeran Suta Wijaya Raja Haji, “Baiklah”

(Virginia Matheson Hooker, 1998: 213).

Apabila mendengar Raja Haji dalam perjalanan menuju ke Kedah, Sultan Kedah mengarahkan rakyatnya supaya bersiap sedia dari aspek pertahanan dan ketahanan untuk menghadapi kedatangan rombongan Raja Haji. Sebaik sahaja sampai di Kedah, Raja Haji berasa hairan dengan tindakan Sultan Kedah yang menyambutnya seperti menyambut pihak lawan lakunya. Ini kerana baginda datang hanya ingin menuntut janji antara almarhum ayahanda Sultan Kedah dengan opu-opu Raja Bugis dan bukannya untuk berperang. Namun situasi yang digambarkan oleh pengarang memperlihatkan bahawa Sultan Kedah itu sedang bersiap untuk berperang dengan rombongan Raja Haji.

Syahadan tiada berapa (lama) antaranya maka kelengkapan Raja Haji pun tibalah di Batangau serta dilihatnya di Batangau sudah siap dengan kubunya. Maka Raja Haji pun tersenyum sambil /ia/ berkata (kepada paduka kakanda Baginda Raja Said, “Adapun orang Kedah ini bukannya ia) hendak berbicara rupa-rupa (nya), ia (hendak berperanglah, gerangannya sebab ada yang demikian ini.” Maka jawab Raja Said, “Benarlah seperti perkataan adinda itu”

(Virginia Matheson Hooker, 1998: 214).

Namun, Raja Haji tetap meneruskan niatnya dengan menghantar suliwatang untuk menemui Sultan Kedah dan menyampaikan tuntutan janji tersebut. Setelah Sultan Kedah mendengar hajat Raja Haji itu, baginda menolak dan menghendaki

kedua pihak meluputkan janji tersebut. Hal ini kerana orang yang membuat janji tersebut ialah Almarhum ayahanda baginda dan bukannya baginda. Oleh itu, baginda tidak ada kena-mengena dengan perjanjian tersebut dan enggan bertanggungjawab serta tidak akan mengotakan hajat Raja Haji walau apapun yang terjadi. Buktinya:

Setelah (sudah) habis dibacanya titahnya kepada suliwatang, “Ini surat perjanjian orang tua-tua dahulu dan yang berjanji dan yang menerima (per)janji(an) tiada lagi. Dan yang saya menjadi raja ini bukannya Bugis mengangkat saya menjadi raja. (Dan) saya kirim salam (takzim) saja kepada Raja Haji, janganlah dipanjangkan lagi perkara (nya) ini, (antara kita sudah seperti menjadi) sanak saudara. Baliklah suliwatang, tiadalah kita memberi surat lagi, kerana suliwatang yang datang ini memadailah”

(Virginia Matheson Hooker, 1998: 215).

Keangkuhan dan ketidaksopanan Sultan Kedah itu telah menimbulkan kemarahan di pihak Raja Haji. Raja Haji merasa maruah bangsanya tercabar dan perjanjian antara bangsa Melayu Kedah dan Bugis yang membentuk hubungan diplomatik dahulu telah diperlekehkan begitu sahaja oleh waris kesultanan Kedah itu. Raja Haji kecewa melihat keadaan sedemikian kerana pengorbanan nyawa oleh opu-opu Raja Bugis dibalas dengan penghinaan. Lalu timbul rasa di hati untuk memerangi kerajaan Kedah.

Maka apabila Raja Haji mendengar perkataan Yang Dipertuan Kedah (yang dibawa oleh suliwatang) itu, (maka) merahlah mukanya (Raja Haji itu) seraya katanya kepada suliwatang (itu), “ Berperanglah kita (pada) hari (esok) melanggar kubu Batangau di hulu”

(Virginia Matheson Hooker, 1998: 215).

Akhirnya, hubungan diplomatik yang terbina musnah kesan daripada perlanggaran etika diplomatik oleh Raja Kedah. Apabila dasar persefahaman, toleransi serta cintakan keamanan tidak wujud lagi dalam hati di sebelah pihak, maka hasilnya, akan terjadi perperangan, penaklukan, dan pembunuhan. Sultan Kedah yang memungkiri janji telah menerima padahnya, apabila baginda terpaksa berundur daripada Kedah kerana tidak dapat bertahan daripada serangan angkatan tentera Raja Haji. Memungkiri janji dalam teori hubungan antarabangsa merupakan perbuatan yang melanggar nilai asas dalam sesebuah hubungan antarabangsa. AbdulHamid 'A. AbuSulayman (1987:129) mengatakan bahawa memungkiri janji merupakan kegemaran orang munafik yang menyebabkan kepincangan kepada sesebuah hubungan.

## KESIMPULAN

Perlanggaran etika diplomatik sememangnya penyebab kepada ketidakstabilan dalam pemerintahan seperti perperangan dan pembunuhan. Fitnah, pengkhianatan dan memungkiri janji antara perkara paling dominan dan pencetus kepada perkara ini berlaku. Kestabilan diplomatik yang dikecapi oleh kerajaan Melayu seperti Johor, Aceh dan Melaka yang diceritakan dalam *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Aceh* dan *Sulalat al-Salatin* punah akibat daripada perkara ini. Etika diplomatik membawa kepada keharmonian sesebuah hubungan namun, apabila etika ini diketepikan maka perkara negatif itu menjadi keutamaan. Ini kerana iri hati, tamakkan kuasa, dendam dan ketidakpuas hatian telah menjadi sebatи dalam diri pihak yang terlibat. Oleh itu, diharapkan kajian seperti ini akan didalami lagi oleh pengkaji akan datang untuk menyelami kepincangan yang berlaku dalam sesebuah pentadbiran kerajaan Melayu.

## RUJUKAN

- A.Samad Ahmad (Peny.). (2010). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (Edisi Kesepuluh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- AbdulHamīd A. AbūSulaymān. (1987). *Towards an Islamic Theory of International Relations: New Directors for Methodology and Thought*. Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2014). *Menelusuri Nilai Etika dalam Pemerintahan Johor-Riau-Lingga* Menerusi Naskhah Tuhfat al-Nafis Versi Terengganu dlm. Naskhah dan Relevasinya dalam Kehidupan Masa Kini. Universitas Andalas: Pusat Studi Informasi dan Kebudayaan Minangkabau.
- Bijan Bidabad. (2012). "Diplomacy principles: an Islamic Sufi approach – continuation", International Journal of Law and Management, Vol. 54 Issue: 6, pp.422-442.
- H.A.Fuad Said. (2002). *Ketatanegaraan Menurut Syari'at Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hooker, Virginia Matheson. (Penyl.). (1998). *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mimin Emi Suhaemi. (2003). *Etika Keperawatan: Aplikasi pada Praktik*. Jakarta: EGC.
- Mohd Jamil Mukmin. (2011). Sejarah Hubungan Diplomasi Kerajaan Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal IKSEP*, 2, 71-90.
- Mustafa Daud. (1991). *Perkahwinan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2017). *Kerencatan Hubungan Diplomatik Kesultanan Melayu Melaka Johor dan Aceh.*" dlm *Jurnal MANU*, Bil. 25, hlm. 107-136.
- Saat Sulaiman. (2008). *Anak adalah Anugerah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Che Man. (2013). Kesusasteraan Islam dari Sudut Pandangan Ali Ahmad. Jelani Harun (ed.) dlm. *Jalan ke Taman: Esei-esei Penghargaan untuk Profesor Ali Ahmad*. Mindef: Universiti Sains Malaysia.
- Teuku Iskandar Teuku Ali Basyah (Peny.). (2001). *Hikayat Aceh*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.